

# 'Menteri mahu belia jadi pendesak'

UTUSAN: Boleh Yang Berhormat (YB) jelaskan mengenai Kongres Belia 2019?

**MOHD. SYAHBUDDIN HASHIM:** Yang pertama, kongres yang bertajuk, 'Hala tuju dan masa depan belia' ini diadakan bagi menyediakan perancangan dan kerangka baharu MBM seiring dengan kehendak KBS apabila dipersetujui di Parlimen had umur belia diturunkan kepada 30 tahun. Kita hanya ada dua tahun untuk transisi kepada Akta 668 ini.

Kedua, kita adakan kongres yang pertama di Johor Bahru setelah mendapat perkenan sewaktu mengadap Tengku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim. Ketika pertemuan tersebut, baginda amat terbuka dan berharap pemimpin pertubuhan belia menjadi ejen membangunkan belia lain. Atas dasar itu, kita adakan di Johor dan kita mahu baginda menyampaikannya terus kepada pimpinan dan golongan belia yang lain. Kita serahkan 11 resolusi kongres kepada Tengku Mahkota Johor.

Dalam sesi soal jawab bersama Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Haslinda Abdullah, YB seolah-solah meluahkan perasaan dan mengkritik KBS, kenapa ini berlaku?

Puncanya mudah, kehendak menteri. Beliau yang mahu kami jadi pendesak. Beliau mahu belia hari ini lebih berani dalam menyuarakan pendapat dan pandangan. Bermula daripada apa yang saya rasa kan beliau 'lari' dari apa yang dijanjikan beliau pada ucapan Hari Belia Negara. Beliau berjanji supaya transisi umur belia diturunkan kepada 35 tahun dahulu sebelum 30 tahun. Beliau tidak bertemu dan berbincang perkara secara tertutup dengan Presiden MBM di saat akhir.

## MUKADIMAH

TIDAK ramai yang menyertai pertubuhan belia, kira-kira 20 sehingga 30 peratus sahaja. Namun kumpulan ini mempunyai pengaruh amat besar kepada belia di negara ini.

Namun pasca-Pilihan Raya Umum Ke-14 menyaksikan seolah-olah ada perselisihan di antara kedua-dua pihak tersebut bermula dengan kenyataan 'macai politik' yang dikeluarkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Abdul Rahman pada Ogos tahun lalu dan sehingga sekarang langkah mereka sudah tidak seiring.

Dan semalam kemuncaknya, ucapan Pengurus Tetap MBM, **MOHD. SYAHBUDDIN HASHIM** yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas dalam Diskusi Pemimpin Muda, Kongres Belia 2019 di Johor Bahru yang menyuarakan pandangan golongan belia yang kritikal sehingga tular dalam media sosial.

Wartawan Utusan Malaysia, **AZRAN FITRI RAHIM** menemu bual **MOHD. SYAHBUDDIN** bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara tersebut khususnya hubungan di antara MBM dengan KBS.

Ahli Dewan Tertinggi MBM telah pun berpendirian had umur pimpinan belia turun kepada 35 tahun dulu. Beliau terus umum di Parlimen. Presiden dan kepimpinan MBM mahu bertemu secara formal, beliau mengelak.

Ini menyebabkan MBM dan KBS semakin menjauh. MBM dan KBS adalah pemegang taruh untuk belia tetapi kedua-duanya semakin renggang dan seolah-olah menjadi isu peribadi.

Apakah MBM berpuas hati dengan prestasi Syed Saddiq dalam menjaga pertubuhan belia?

Sejujurnya, sebagai Pengurus Tetap, saya kurang berpuas hati. Pertama, dari segi kecaknaan dan keterbukaan beliau kepada pimpinan belia. Kalau kita tengok sewaktu beliau mula menjadi Menteri Belia dan Sukan, beliau menyebut bahawa pemimpin belia 'macai politik'. Selepas itu buat permohonan maaf namun akhir-akhir ini beliau sendiri melantik orang politik parti beliau dalam urusan

Kementerian Belia dan Sukan.

Bantuan pentadbiran kepada persatuan belia, dulu ada, dikurangkan 10 peratus pada zaman Khairy Jamaluddin tetapi sekarang tidak ada langsung. Boleh rujuk kepada Majlis Belia Negeri (MBN), Majlis Belia Daerah (MBD) dan pertubuhan peringkat kebangsaan yang berdaftar di bawah Pejabat Pertubuhan Belia. Kekecewaan ini amat nyata apabila ada kalangan MBN, MBD dan operasi mereka seperti pejabat terpaksa ditutup dan gaji Setiausaha Kerja dihentikan tanpa sebarang cadangan alternatif oleh pihak beliau.

Bantuan untuk program seolah-olah ada sekatan di peringkat kementerian, seolah-olah ada individu lain jadi penapis tebal. Memperlihatkan ada unsur dendam politik, selidik dan tengok kepada pemimpin belia itu sendiri sebelum diluluskan sebarang peruntukan. Saya belum dengar lagi sebarang kelulusan pada 4B, GPMS, MAYC, ABIM dan lain-lain. Ia tutup terus (permohonan) sebab ke-

## 5 Soalan



banyak pemimpinnya ialah ahli pembangkang. Dalam hal ini, KBS perlu terima hakikat, pemimpin belia ini dipilih secara demokrasi dalam pertubuhan masing-masing.

Realitinya kebanyakan pemimpin politik besar negara sekarang ialah pemimpin belia. Pertubuhan belia adalah gelanggang melahirkan pemimpin. Bekas pemimpin MBM sendiri ada dalam PKR, UMNO, Amanah dan Bersatu dan menjawat jawatan sebagai menteri pun. Gagalnya menteri belia untuk mendekatkan diri dengan pemimpin pertubuhan belia perlu diakui.

YB menyebut mungkin menteri terasa hati dengan MBM. Kenapa ini berlaku?

Pemimpin-pemimpin pertubuhan belia menuntut janji yang dibuat beliau dan apa yang diutarakan oleh kerajaan tidak kena dengan belia. Isu-isu yang dikeluarkan sebelum ini seperti Gojek, tidak nampak relevan dengan belia kerana itu hanya bersifat sementara. Yang belia

minta ialah bagaimana beliau penuhkan janji 1 juta peluang pekerjaan, perjuangan untuk hapuskan hutang Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi (PTPTN); perumahan, pendidikan percuma dan kos sara hidup.

Dulu, beliau sendiri yang bawa. Beliau yang road show ke seluruh negara. Beliau tidak buat benda baharu. Program Fit Malaysia dan Hari Sukan Negara daripada zaman Khairy Jamaluddin. Syed Saddiq tidak buat benda baharu, tidak tunai janji serta selektif dan membentuk pesaing yang baharu dengan menubuhkan Kelab Bunga Raya dan Youth Power Club.

Kalau tidak betul apa yang dibawa oleh Pertubuhan Belia sebelum ini sila perbetulkan.

### Harapan YB kepada Syed Saddiq dan KBS?

Balik kepada dasar belia, jangan kesampingkan MBM. Perlu ada bajet yang tetap seperti Majlis Sukan Negara. Kerajaan sediakan bajet untuk MSN yang termaktub bawah akta sukan.

Namun kita anggap perkara ini sebagai satu cabaran baru dalam Malaysia Baharu. Menteri pun sebut dia tidak perlukan sokongan MBM dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. Tidak apalah.

Kita ada Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN). Dalam persidangan MPBN baru-baru ini, ada perwakilan menyuarakan rasa tidak puas hati. Kita nak aktif membina negara dan keaktifan memerlukan sokongan KBS, perlu ada sokongan kerajaan. Persatuan belia masih relevan untuk mengasuh belia mengenai pentadbiran, mengenai jati diri, patriotisme dan kesukarelawanan tetapi menteri hanya nampak beberapa kes kesalahan kecil pemimpin belia. Saya harap beliau buka lembaran baharu kerana kami akan gunakan keramat kami iaitu 'Suara Belia'.